

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR - PKR]**

TARIKH : 2 APRIL 2018 (ISNIN)

SOALAN NO.46

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- a) apakah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian setakat ini bagi melindungi atlet negara dan menjaga kebajikan mereka selepas berlaku kes jurulatih pasukan terjun negara merogol atlet; dan

- b) sejauh mana langkah-langkah pihak Kementerian untuk membanteras amalan rasuah di arena sukan, terutamanya di arena bola sepak. Berapa kes yang telah dikenalpasti, didakwa dan dibawa ke muka pengadilan sejak 1 Januari 2010 sehingga 31 Disember 2017.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekas jurulatih skuad terjun negara yang didakwa atas kesalahan merogol atlet telahpun ditamatkan kontrak pada bulan November 2017 lalu melalui keputusan bersama Majlis Sukan Negara (MSN) dan Kesatuan Renang Amatur Malaysia (ASUM) dalam usaha meredakan tekanan yang dialami oleh atlet-atlet terjun negara.
2. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara juga telah menubuhkan jawatankuasa (*task force*) yang diketuai oleh Datuk Marina Chin selaku Ahli Lembaga Pengurus MSN yang bertanggungjawab untuk mengkaji isu-isu gangguan seksual dan psikologi atlet dalam program-program sukan berprestasi tinggi negara. Jawatankuasa berkenaan juga akan menetapkan satu standard atau prosedur berkaitan hak dan keselamatan atlet mahupun jurulatih atau pegawai wanita dalam sukan bagi memastikan kejadian seumpama ini tidak akan berulang pada masa akan datang.
3. KBS juga telahpun melancarkan ikrar Integriti Sukan Malaysia pada tahun 2013 dalam usaha mempromosi integriti di kalangan penggiat sukan. Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) dan Majlis Sukan Negara (MSN) bersama Institut Integriti Malaysia (IIM) telah ditandatangani yang bertujuan

SULIT

membentuk program pembangunan intergiti, kajian, latihan dan usaha lain yang dapat memperkuuh elemen intergiti dalam sukan.

4. Statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan sebanyak 36 Kertas Siasatan telah dibuka terhadap individu dari kalangan atlet serta individu dari kelab / persatuan sukan dalam tempoh tahun 2010 hingga 2017. Dari jumlah tersebut, seramai 6 orang individu dari kelab / persatuan sukan telah didakwa.

Sekian, terima kasih.

(00)

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU
[BARAM]**

TARIKH : 2.4.2018 (ISNIN)

SOALAN : 47

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status pelaksanaan projek bekalan air di Kawasan Lubok Nibong, Marudi yang telah lama ditunggu-tungukan masyarakat tempatan. Nyatakan jumlah peruntukan serta bilangan isi rumah yang bakal menikmati kemudahan tersebut apabila siap kelak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Luar Bandar Kawasan Marudi akan dapat membekalkan air ke 31 buah kampung melibatkan pemasangan paip pelbagai saiz sepanjang 85km dan pembinaan 4 buah tangki air.

Kos pelaksanaan projek ini adalah sebanyak RM41 juta dan sebanyak 793 buah rumah dijangka akan dapat menerima manfaat daripada projek ini. Projek ini dijangka akan ditender pada bulan Mei 2018 dengan tempoh penyiapan selama 18 bulan.